



## **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

*Department Of Veterinary Services*

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2

No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4

62630 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000

Faks : 603-8888 6021

E-mel : [pro@dvs.gov.my](mailto:pro@dvs.gov.my)

Laman Web : [www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my)

---

### **KENYATAAN MEDIA**

#### **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR BERHUBUNG DAKWAAN 200 KONTENA AYAM BEKU DARI CHINA DAN THAILAND TIDAK HALAL**

1. Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) memandang serius kepada video seorang penceramah bebas yang tular dalam media sosial yang mendakwa loji-loji ayam Thailand dan China yang mengeksport produk ayam ke Malaysia telah tamat tempoh dan tidak halal.
2. DVS ingin memaklumkan terdapat sembilan (9) loji ayam yang diluluskan untuk mengeksport daging ayam dan keratan ayam di negara Thailand dan dua (2) di negara China. DVS mengesahkan kesemua loji ayam yang disenaraikan di laman sesawang DVS adalah masih sah untuk mengeksport ke Malaysia.
3. Senarai loji-loji di laman sesawang DVS dikemaskini dari semasa ke semasa dan loji-loji yang didapati tidak mematuhi syarat import yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia akan digantung kelulusan eksport. Notifikasi pengantungan akan dipaparkan pada nama loji tersebut di laman sesawang DVS untuk makluman pihak-pihak berkepentingan.
4. Badan Pengesahan Halal Luar Negara yang mengawalselia aktiviti penyembelihan halal di loji ayam Thailand iaitu The Central Islamic Council of Thailand dan di China iaitu Shandong Halal Certification Services adalah masih sah tempoh pengiktirafan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sehingga 31 Disember 2023.
5. Orang awam diingatkan supaya merujuk kepada Pihak Berkuasa Veterinar, DVS untuk mendapatkan keterangan dan pengesahan perkara-perkara yang berkaitan sah sebelum membuat sebarang hebahan dalam media sosial bagi mengelakkan spekulasi.

Disediakan oleh:

Jabatan Perkhidmatan Veterinar  
8 Disember 2021